

PBTM pecat ahli terlibat demonstrasi jalan-pembangkang

UM - 4 JUN 2001

KUALA LUMPUR 3 Jun — Persatuan Bekas Tentera Malaysia (PBTM) memberi amaran akan memecat ahlinya yang terlibat dengan demonstrasi jalan-anjuran parti pembangkang.

Presidennya, Senator Datuk Muhammad Abdul Ghani berkata, PBTM tidak teragak-agak mengambil tindakan itu kerana mereka adalah musuh dalam selimut.

“Pemecatan ini wajar kerana ahli telah menggunakan cara tidak sah untuk menggulingkan kerajaan yang dipilih melalui proses demokrasi,” katanya ketika dihubungi Utusan di sini hari ini.

Beliau mengulas kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad semalam, bahawa kerajaan tidak akan tunduk kepada keganasan, demonstrasi jalan-an, tekanan dan taktik kotor

sesetengah pihak yang hanya berjuang untuk kepentingan diri sendiri.

Muhammad menambah, tindakan pemecatan itu adalah sebagai langkah terakhir sekiranya usaha menasihati ahli terbabit gagal.

“Kita sekarang ada menjalankan pemantauan bagi mengenal pasti ahli yang terlibat dengan kegiatan tidak sihat.

“Semua ahli bermasalah akan dipanggil menghadiri perjumpaan dan diberi motivasi supaya tidak berterusan dengan sikap mereka,” katanya.

Beliau memberitahu, sehingga hari ini tidak ada kes ahli dipecat kerana terlibat dengan demonstrasi jalan-an dan percaya jumlah bekas anggota tentera yang terbabit dalam gerakan reformasi adalah kecil.